

PENYATA JAWATANKUASA PELAJARAN 1956

Jawatankuasa Pelajaran 1956 dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein selaku Menteri Pelajaran. Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada. Mencadangkan sistem pendidikan kebangsaan yang baharu. Mengemukakan teras sistem pendidikan kebangsaan dengan hasrat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum melalui:

- Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
- Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan.
- Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa.

CADANGAN

- Sekolah Umum (rendah) yang menggunakan bahasa Melayu.
- Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil.
- Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah.
- Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan bahasa Melayu, manakala bahasa Ingeris menjadi mata pelajaran.

- Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 merupakan asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.
- Sukatan pelajaran dan peperiksaan yang seragam serta penggunaan bahasa pengantar yang sama menjadi langkah penting untuk memupuk semangat perpaduan, nilai kewarganegaraan, identiti sepunya dan kesetiaan kepada negara dalam kalangan generasi muda.

